



Permodalan Nasional Berhad

(38218-X)

KENYATAAN AKHBAR

27 MAC 2017

PNB KEMALANGKAN PRESTASI 2016 DAN OPTIMISTIK BAGI TAHUN 2017

UMUM 6.00 SEN SEUNIT UNTUK ASM DAN 6.50 SEN SEUNIT UNTUK ASB 2

- Bagi tahun 2016, jumlah aset di bawah pengurusan PNB meningkat kepada RM266.5 bilion, iaitu peningkatan 4.6%. Walaupun dalam suasana pasaran yang mencabar, dengan FBM KLCI terus mengalami penurunan tiga tahun berturut-turut, pendapatan bersih proforma PNB dan dana unit amanahnya kekal pada RM15.3 bilion.
- PNB mengagihkan pembayaran dividen sebanyak RM13.9 bilion pada 2016, ataupun secara puratanya pengagihan pendapatan 6.87 sen bagi dana unit amanah ASNB berharga tetap, menjadikan jumlah keseluruhan pengagihan pendapatan yang diagihkan semenjak 1981 berjumlah RM157.5 bilion.
- Berkenaan tinjauan 2017, PNB akan lebih berwaspada namun positif terhadap prestasi ekonomi dan pasaran kewangan yang lebih baik. Pelaksanaan Pelan Strategik 'STRIVE-15' yang bermatlamat untuk mengekalkan pulangan yang kompetitif kepada semua pemegang unit sedang berjalan lancar dengan pengumuman pengasingan (de-merger) Sime Darby Bhd dan UMW Holdings Berhad. Langkah ini bersama dengan peningkatan dalam pasaran ekuiti secara keseluruhannya telah menyumbang dalam peningkatan nilai syarikat-syarikat strategik PNB sebanyak RM20 bilion sejak awal tahun ini sehingga 24 Mac 2017.
- Bagi tahun kewangan berakhir 31 Mac 2017, dua dana berharga tetap ASNB iaitu ASM dan ASB 2 mengisytiharkan pengagihan pendapatan masing-masing sebanyak 6.00 sen seunit dan 6.50 sen seunit. Pengagihan pendapatan ini melibatkan pembayaran berjumlah RM1.0 bilion bagi ASM dan RM384.7 juta bagi ASB 2. PNB juga telah memperuntukkan sejumlah RM138.0 juta untuk pengagihan pendapatan ketiga-tiga dana ASG bagi tahun kewangan berakhir 31 Mac 2017.

Permodalan Nasional Berhad (PNB) mengumumkan Kewangan Tahunan berakhir 31 Disember 2016, prestasi sepanjang 2016 dan berkongsi perkembangan program STRIVE-15 serta prospek untuk tahun 2017.

PRESTASI 2016

Pengerusi Kumpulan PNB Tan Sri Abdul Wahid Omar berkata PNB telah mengekalkan prestasi baik pada tahun 2016 meskipun dalam persekitaran operasi yang mencabar. Jumlah aset di bawah pengurusan PNB pada 2016 meningkat sebanyak 4.6% yang melepasi RM260 bilion, berbanding RM254.6 bilion yang dicatatkan pada tahun 2015. "Walaupun FBM KLCI menurun untuk tahun ketiga berturut-turut sebanyak 3.0% pada tahun 2016, manakala ekonomi berkembang lebih perlahan pada 4.2%, pendapatan bersih proforma PNB dan dananya kekal pada RM15.3 bilion."

PNB mengurus 12 dana unit amanah berjumlah 212.3 bilion unit yang dimiliki oleh 12.9 juta pemegang unit setakat 31 Disember 2016, yang mana 97.0% dalam dana harga tetap, manakala baki 3.0% atau 7.3 bilion unit dalam dana harga berubah-ubah yang menunjukkan peningkatan kukuh sebanyak 23.7%.

Tan Sri Abdul Wahid Omar menambah, "PNB bersukacita kerana berupaya mengagihkan dividen berjumlah RM13.9 bilion pada tahun lepas, menjadikan angka terkumpul dividen yang diagihkan berjumlah RM157.5 bilion semenjak 1981. Ini menjadikan jumlah purata dividen termasuk bonus untuk dana harga tetap PNB adalah pada kadar pada 6.87 sen pada 2016."

TINJAUAN 2017

Meninjau ke hadapan, PNB tetap berwaspada namun optimistik bahawa pertumbuhan global dapat terus meningkat secara sederhana, walaupun di sebalik jangkaan kenaikan kadar faedah AS dan ketidaktentuan harga komoditi yang berterusan.

Tan Sri Abdul Wahid Omar berpendapat, "Walaupun terdapat beberapa risiko luar, prospek ekonomi Malaysia tahun 2017 pada keseluruhannya masih menggalakkan, yang mencerminkan kepelbagaian ekonomi yang baik dan juga dasar Kerajaan yang harmoni."

PNB mengunjurkan pertumbuhan KDNK sebanyak 4.4% pada tahun ini, berikutan pemulihan dalam eksport dan harga minyak serta permintaan domestik yang mampan. PNB juga positif terhadap prospek Ringgit, ekoran jangkaan aliran masuk yang lebih kukuh dan kestabilan dalam pasaran bon.

Faktor-faktor ini dapat membantu memacu sentimen bagi pasaran saham Malaysia 2017. Pada 24 Mac 2017, FBM KLCI ditutup pada 1,745.75 mata, peningkatan sebanyak 6.3% daripada 1,636.94 mata pada awal tahun ini. Bursa-bursa utama dunia dan serantau yang lain juga telah mempamerkan peningkatan fundamental dan sentimen yang lebih baik.

PNB STRIVE-15

Semasa taklimat berkenaan juga, PNB telah berkongsi perkembangan Pelan Strategik 2017-2022 STRIVE-15.

Pada November 2016, PNB telah melancarkan Pelan Strategiknya yang bertujuan meningkatkan dan mengekalkan pulangan dengan mengoptimumkan peruntukan aset, meningkatkan prestasi ekuiti awam domestik, meningkatkan pendedahan dalam ekuiti persendirian dan pendapatan tetap, merasionalisasi dan meningkatkan pelaburan hartanah, dan mempelbagaikan aset global.

Tan Sri Abdul Wahid Omar berkata, "Sejak pengumuman STRIVE-15 pada November tahun lepas, syarikat-syarikat pelaburan strategik PNB seperti Sime Darby Berhad dan UMW Holdings Berhad telah mengumumkan pengasingan (*de-merger*). Perkara-perkara ini diharapkan dapat merangsang pasaran dan menyokong pertumbuhan korporat Malaysia.

Dalam masa yang sama, PNB turut mengimbangkan semula peruntukan asetnya, dengan mengalihkan tunai ke dalam pendapatan tetap secara beransur-ansur sebagai suatu strategi untuk meningkatkan hasil portfolio keseluruhan, sementara menyokong pasaran pendapatan tetap domestik serta meningkatkan pelaburan swasta, seperti yang dapat disaksikan menerusi pengembangan Prolintas dengan pengambilalihan SILK Holdings.

Tan Sri Wahid juga berkata PNB akan terus cekal dalam pelaksanaan Pelan Strategik 'STRIVE-15' ke arah mengekalkan pulangan yang kompetitif untuk kesemua pemegang akaunnya.

"Kami berharap prestasi ekonomi dan pasaran kewangan meningkat lagi pada tahun ini. Maka, kami menjangkakan sektor korporat untuk menunjukkan prestasi yang baik dari segi pemerolehan bagi membolehkan rekod prestasi pembayaran dividen yang kompetitif dikekalkan untuk produk unit amanah kami."

PENGUMUMAN PENGAGIHAN PENDAPATAN DANA UNIT AMANAH ASNB

Pada taklimat media yang sama, PNB turut mengumumkan pengagihan pendapatan lebih daripada RM1.5 bilion untuk lima dana, iaitu Amanah Saham Malaysia (ASM), Amanah Saham Bumiputera 2 (ASB 2) dan Amanah Saham Gemilang (ASG) yang merupakan dana payung menaungi ASG-Pendidikan, ASG-Kesihatan dan ASG-Persaraan.

Pemegang unit ASM akan menerima agihan pendapatan sebanyak 6.00 sen seunit, manakala pemegang ASB 2 unit akan menerima agihan pendapatan sebanyak 6.50 sen seunit.

Pengagihan pendapatan ASM melibatkan jumlah pembayaran kira-kira RM1.0 bilion, yang akan memanfaatkan lebih 500,000 pemegang unit yang kini memegang 17.3 bilion unit. Sehingga 28 Februari 2017, ASM mencatatkan pendapatan kasar sebanyak RM1.2 bilion. Keuntungan daripada jualan saham menyumbang RM622.2 juta atau 52.4% kepada pendapatan kasar. Pendapatan dividen daripada pelaburan dalam syarikat-syarikat menyumbang RM404.2 juta atau 34.0%, manakala baki pendapatan sebanyak RM160.9 juta atau 13.6% diperoleh daripada pelaburan dalam instrumen jangka pendek dan pendapatan lain.

Sementara itu, agihan pendapatan ASB 2 melibatkan pembayaran sebanyak RM384.7 juta, yang akan memberi manfaat kepada lebih 200,000 pemegang unit yang kini memegang 7.4 bilion unit. Sehingga 28 Februari 2017, ASB 2 mencatatkan pendapatan kasar sebanyak RM349.8 juta. Keuntungan daripada jualan saham menyumbang RM158.8 juta atau 45.4% kepada pendapatan kasar. Pendapatan dividen daripada pelaburan dalam syarikat-syarikat menyumbang RM133.2 juta atau 38.1%, manakala baki pendapatan sebanyak RM57.8 juta atau 16.5% diperoleh daripada pelaburan dalam instrumen jangka pendek dan pendapatan lain.

Pengiraan pengagihan pendapatan bagi ASM dan ASB 2 adalah berdasarkan purata baki pegangan minimum sepanjang tahun kewangan masing-masing. Walau bagaimanapun, pemegang unit ASB 2 mesti mengekalkan sekurang-kurangnya 10 unit dalam akaun mereka pada tarikh pengagihan pendapatan untuk layak menerima agihan pendapatan.

Pengagihan pendapatan ASM dan ASB 2 akan dilaburkan semula sebagai unit tambahan ke dalam akaun pemegang unit pada harga RM1.00 seunit, yang akan dikreditkan secara automatik ke dalam akaun pemegang unit pada 1 April 2017.

Sementara itu, ASNB telah memperuntukkan sejumlah RM138.0 juta untuk pengagihan pendapatan ASG, yang akan memberi manfaat kepada lebih 140,000 pemegang unit yang melanggan 3.1 bilion unit.

Pengagihan pendapatan untuk ketiga-tiga dana di bawah dana payung ASG iaitu ASG-Pendidikan, ASG-Kesihatan dan ASG-Persaraan masing-masing adalah pada kadar 4.50 sen seunit, 4.25 sen seunit dan 5.15 sen seunit.

Pengiraan pengagihan pendapatan bagi ketiga-tiga dana di bawah ASG adalah berdasarkan baki unit yang dipegang pada 31 Mac 2017, yakni hari terakhir tahun kewangan setiap dana. Pembayaran pengagihan pendapatan ketiga-tiga dana akan dilaburkan semula secara automatik dalam bentuk unit dan dikreditkan ke dalam akaun pemegang unit pada 1 April 2017.

Sepanjang 2016 juga, PNB terus melunaskan tanggungjawab sosial korporatnya yang telah memberi kesan menyeluruh terhadap kehidupan rakyat Malaysia.

Paling utama, lebih 400 pelajar dan graduan telah mendaftar untuk program *PNB Chartered Accountant Initiative* yang telah dilancarkan pada Oktober 2016, bertujuan melahirkan 1,000 akauntan profesional Bumiputera menjelang tahun 2022. PNB juga telah menambah pengambilan pelatih Skim Latihan 1Malaysia (SL1M) kepada 400 graduan, manakala lebih 600 biasiswa turut ditawarkan di bawah pelbagai skim sepanjang tahun lepas.

Tahun 2016 turut menyaksikan PNB memperkasa inisiatif celik kewangannya bagi mendidik orang ramai mengenai pelaburan dan perancangan kewangan menerusi penganjuran 'Minggu Saham Amanah Malaysia', 'Seminar Pelaburan 360 Hari', 'Kuiz Pelaburan PNB' dan 'Kelab Pelaburan Bijak PNB'.

Dikeluarkan oleh:
PERMODALAN NASIONAL BERHAD
Untuk maklumat lanjut, sila hubungi:
Encik Aziz Anuar, Naib Presiden Kanan
Bahagian Hubungan & Komunikasi Korporat
Tel: +603 - 2050 5810 | E-mel: aziz_a@pnb.com.my